

10,000 orang saksikan pameran Islam

UM 17 SEP 1995
KUALA LUMPUR 16 Sept. — Kira-kira 10,000 orang telah mengunjungi Pusat Islam yang dirasmikan di sini hari ini oleh Perdana Menteri khusus untuk menyaksikan pameran Islam yang diadakan sempena pembukaan pusat tersebut.

Upacara perasmian pusat itu oleh Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad disaksikan sama oleh Presiden Maldives, Maumoon Abdul Gayoom dan Sheikh Al Azhar, Encik Ali Gad Al Haq dalam warna warni, tetapi penuh sederhana.

Pusat Islam terletak di Jalan Perdana dan projeknya berharga \$50 juta itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri di hadapan kira-kira 1,500 orang tetamu termasuk menteri - menteri kabinet dan duta - duta asing dari negara - negara Islam yang mana beliau telah menekan butang khas untuk membuka tirai yang melambangkan bangunan itu.

Turut hadir di majlis tersebut ialah bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri

yang tiba kira-kira 9 pagi telah menyambut ketibaan Presiden Maumoon dan isteri yang sedang melakukan lawatan rasmi ke negara ini.

Perdana Menteri bersama Presiden Maldives dan Sheikh Al Azhar telah diiringi oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Yusof Nor untuk melawat balai pameran di bangunan itu.

Lebih 30 jenis khazanah dan peralatan termasuk ukiran - ukiran seni bina Islam yang dipamerkan di situ telah menarik perhatian Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan tetamu - tetamu kehormat lain.

Beliau bersama para kenamaan telah meninjau kesemua bahagian pameran yang dikatakan paling indah selama sejam dan kemudian menghadiri jamuan ringan yang diadakan di pekarangan bangunan itu.

Selepas perasmian tersebut, bangunan Pusat Islam yang mempunyai senibina Islam itu telah dibanjiri lebih 10,000 orang untuk menyaksikan pameran dan keindahan bangunan tersebut sehingga lewat petang ini.